

MT bincang tindakan kenyataan, Menteri Mentor

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membincangkan bentuk tindakan berhubung kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew, yang dianggap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, boleh menghasut kaum Cina di negara ini.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata perkara itu akan diputuskan berikutan gesaan akar umbi Umno yang mahu kepemimpinan parti mengambil tindak balas tegas terhadap perbuatan biadab pemimpin republik itu.

"Saya yakin ada yang membang-

kitkannya kerana kenyataan Kuan Yew itu sebenarnya mempersoalkan kepemimpinan kita," katanya kepada *Berita Harian* semalam.

Beliau mengulas gesaan beberapa pemimpin akar umbi, terutama di Johor, yang meminta kerajaan menilai semula hubungan dan membatalkan apa saja projek yang menguntungkan Singapura berikutan kelancangan mulut Kuan Yew

Sabtu lalu, Perdana Menteri yang baru pulang daripada lawatan keluar negara berkata, beliau akan mengutus surat kepada Kuan Yew meminta beliau memberi penjelasan berhubung kenyataan kontroversi itu.

Abdullah berkata, beliau tidak

nampak kekhuatiran Kuan Yew sehingga mendorongnya membuat kenyataan itu dan mahu tahu apa analisis yang dilakukan bagi mencapai kesimpulan berkenaan.

Katanya, Singapura juga ada masalah mereka sendiri walaupun bukan dari segi hubungan kaum kerana tidak semuanya baik di Singapura.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata, kenyataan Kuan Yew itu sebenarnya satu lagi cabaran kepada orang dan pemimpin Melayu yang sering dibuatnya.

Katanya, ketika pemisahan Singapura dari Malaysia pada 1965 dulu, Kuan Yew mencabar pemimpin pada masa itu untuk membuktikan 'siapa

yang akan lebih berjaya' dalam membangunkan negara masing-masing.

"Justeru, orang Melayu perlu membuktikan kita maju dalam segala bidang kerana kita ada jiran yang sentiasa mencabar kita," katanya.

Ketua Puteri Umno, Datuk Noraini Ahmad, berkata MT Umno dan kerajaan wajar mengambil pendirian tegas berhubung perkara itu.

Katanya, ia bukan kali pertama pemimpin Singapura itu membuat kenyataan yang tidak sepatutnya terhadap negara dan orang Melayu.

"Dia (Kuan Yew) patut minta maaf kerana menghasut rakyat Cina Malaysia dan mencampuri urusan pentadbiran negara ini," katanya.